

RosettaNet perlu peruntukan besar tampung penyertaan IKS

PULAU PINANG 12 Mac — RosettaNet Malaysia, rangkaian pengurusan pembekal global bagi Industri Kecil dan Sederhana (IKS) yang berpusat di Pulau Pinang memerlukan peruntukan lebih besar bagi menampung penyertaan yang di luar jangkaan.

Ketua Menteri Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon berkata, sehingga akhir tahun ini, sebanyak 100 syarikat IKS dijangka menyertai RosettaNet yang membolehkan mereka mengurus niaga secara terus dengan syarikat-syarikat multinasional (MNC).

Menurut beliau, peruntukan RM5 juta oleh Kerajaan Pusat kepada RosettaNet Malaysia melalui Belanjawan 2002 hanya mampu memenuhi keperluan 48 IKS sahaja yang mana setiap daripada syarikat yang mendaftar dengan rangkaian itu layak mendapatkan geran sebanyak RM100,000.

“Saya akan meminta kepada Perdana Menteri (Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad) untuk menambahkan lagi geran sedia ada bagi tempoh tiga suku tahun ini,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Seminar RosettaNet Malaysia yang dihadiri kira-kira 160 wakil IKS di Hotel Vistana di sini, hari ini.

Dr. Koh menjelaskan, syarikat-syarikat IKS kini menunjukkan minat yang mendalam terhadap RosettaNet sejak penubuhannya enam minggu lalu dengan kebanyakannya sedang dalam proses menyertai rangkaian itu.

Menurutnya, melalui urus niaga secara terus dengan MNC, syarikat-syarikat IKS boleh mendapat maklumat mengenai keadaan pasaran seterusnya mampu mengawal pengeluaran barangan mereka menepati permintaan semasa.

Beliau seterusnya menggesa IKS agar menggunakan sebaik-baiknya peluang yang disediakan oleh RosettaNet untuk mengekalkan daya saing syarikat masing-masing.

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Eksekutif RosettaNet, Jennifer Hamilton berkata, penyertaan IKS dalam rangkaian itu akan membantu mereka menghadapi kekangan ekonomi berikutan pelaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA) nanti.

Katanya, RosettaNet menyediakan rangkaian perkhidmatan serta data yang menepati standard global seterusnya membolehkan IKS mengurus niaga dengan syarikat MNC tanpa mengira batasan sempadan dan negara.